

11 OCT 2003
OIC-Festival
FESTIVAL SENI OIC DI BALAI SENI LUKIS NEGARA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Festival Seni OIC yang mempamerkan pelbagai hasil seni daripada negara-negara Islam dilancarkan di sini hari ini sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Festival itu, yang bertujuan berkongsi pengetahuan kepelbagaian aspek kesenian dunia Islam, akan berlangsung sehingga 30 Nov di Balai Seni Lukis Negara.

Ia dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Mohamed Azmi Razak.

Sidang Kemuncak OIC berlangsung mulai hari ini di Pusat Konvensyen Putrajaya hingga 18 Okt.

Aktiviti utama sepanjang festival itu ialah penganjuran pameran seni fotografi, persembahan seni fesyen (pakaian masyarakat Islam serta persembahan muzik bercirikan Islam), seni kaligrafi dan pameran catan, bengkel dan pameran "Art For All".

Bengkel dan pameran "Art For ALL" itu dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Wanita Arab.

Antara muzik Islam yang dipersembahkan pada festival itu ialah ghazal Johor, irama muzik tradisional yang dipengaruhi oleh melodi Asia Barat dan persembahan Dikir Barat dari Kelantan.

Turut diadakan di Balai Seni Lukis Negara kini ialah pameran foto selama dua bulan "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan" anjuran Kementerian Penerangan dan Media Malaysia.

-- BERNAMA
SAH MKO RON